

Lelaki didakwa rasuah RM2.8 juta

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Bekas pengarah operasi perniagaan anak syarikat Axiata Group Bhd. (Axiata) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini atas 21 pertuduhan rasuah melibatkan jumlah RM2.8 juta bagi kerja-kerja perkhidmatan di syarikat tersebut di antara 2017 hingga 2020.

Bagaimanapun, tertuduh, Kok Chin Peng, 41, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Rozilah Salleh selepas kesemua pertuduhan dibacakan juru bahasa mahkamah.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa meminta suapan 25 peratus daripada nilai tuntutan Million Progain Sdn. Bhd. dan Trylah Sdn. Bhd. kepada Apigate Sdn. Bhd. daripada Lee Kok Seong, 38, sebagai dorongan memberikan *credential* penggunaan perkhidmatan mobile payment melalui kaedah



KOK CHIN PENG

DCB Flow.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu bermula Oktober hingga November 2018.

Bagi pertuduhan kedua hingga 21, Chin Peng didakwa menerima rasuah keseluruhan

RM2.8 juta daripada individu sama melalui Lee Joo Pin, 53, sebagai upah memberikan *credential* penggunaan perkhidmatan *mobile payment* melalui kaedah DCB Flow kepada syarikat Million Progain Sdn. Bhd.

Upah tersebut adalah bagi mencadangkan syarikat Skytrees Sdn. Bhd. melaksanakan kerja-kerja pembekalan perkhidmatan Axiata's Customer Support Managed Services dan Axiata MIFE Billing Managed Services.

Bagi kesemua pertuduhan ini, dia didakwa melakukan kesalahan itu bermula Disember 2017 hingga Jun 2020.

Kesemua perbuatan tersebut dilakukan di Puchong, Bandar Mahkota Cheras dan Bandar Sungai Long.

Bagi kesemua pertuduhan, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 (Akta 694).